

**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/2016**

=====

**PEWUJUDAN JAWATANKUASA PEMATUHAN PENGAMBILAN
TANAH NEGERI SELANGOR
PEJABAT TANAH DAN GALIAN NEGERI SELANGOR**

1. TUJUAN

1.1 Arahan ini dikeluarkan bertujuan memaklumkan semua Pentadbir Tanah Daerah (PTD) berkaitan penubuhan Jawatankuasa Pematuhan Pengambilan Tanah Negeri Selangor bagi mempercepatkan dan menyelaraskan proses pengambilan tanah di bawah seksyen 3(1)(a) Akta Pengambilan Tanah 1960 bagi projek-projek di bawah Agensi/Jabatan Negeri Selangor.

2. LATAR BELAKANG

2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) yang bersidang pada 6 Januari 2016 dan telah disahkan pada 13 Januari 2016 telah mengarahkan Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor mewujudkan satu Jawatankuasa Khas bagi meneliti proses pengambilan tanah bagi projek-projek Kerajaan Negeri adalah teratur dan lancar.

- 2.2 Sehubungan itu, Jawatankuasa Khas ini ditubuhkan dan dinamakan Jawatankuasa Pematuhan Pengambilan Tanah Negeri Selangor.
- 2.3 Pewujudan Jawatankuasa ini adalah selaras dengan dasar Kerajaan Negeri yang ' Peduli Rakyat ' dan Piagam Pelanggan seperti di dalam Manual Pengambilan Tanah (PTGS) yang akan memastikan proses pengambilan mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan peruntukan perundangan yang sediaada.
- 2.4 Permohonan, proses pengambilan, tatacara dan kaedah yang disebut di dalam Akta Pengambilan Tanah 1960, Kanun Tanah Negara 1965, Pekeliling yang sedang berkuatkuasa dan Manual Pengambilan Tanah PTGS hendaklah dipatuhi.
- 2.5 Pewujudan Jawatankuasa ini juga secara langsung akan mengatasi isu-isu pengambilan tanah yang lambat di proses di peringkat PTD.

3. AHLI JAWATANKUASA PEMATUHAN PENGAMBILAN TANAH NEGERI SELANGOR

- 3.1 Senarai keahlian Jawatankuasa Pematuhan Pengambilan Tanah Negeri Selangor adalah seperti berikut :-

Pengerusi : Pengarah Tanah Dan Galian
Selangor

Setiausaha : Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penguatkuasa,
Pengambilan Tanah Dan Teknikal,

PTGS

- Ahli Tetap :
- 1) Pentadbir Tanah Daerah
 - 2) Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)
 - 3) Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Selangor (JPBD)
 - 4) Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta Negeri Selangor (JPPH)
 - 5) Jabatan Pemetaan Dan Ukur Malaysia (JUPEM)
 - 6) Pihak Berkuasa Tempatan
- Ahli Tidak Tetap :
- 1) Agensi Pemohon
 - 2) Jabatan-jabatan Kerajaan Negeri (JPS, JAIS, JKR, JAS dll)
 - 3) Jabatan/Agensi Negeri dan Persekutuan lain yang difikirkan perlu
 - 4) Tenaga Nasional Berhad
 - 5) Syarikat Bekalan Air Selangor (SYABAS).
 - 6) TELEKOM Berhad
 - 7) GAS Malaysia Berhad

4. FUNGSI JAWATANKUASA PEMATUHAN PENGAMBILAN TANAH NEGERI SELANGOR

4.1 Fungsi-fungsi Jawatankuasa Pematuhan Pengambilan Tanah Negeri Selangor adalah untuk membuat keputusan muktamad perkara-perkara seperti berikut :-

- i. Penggunaan seksyen 4 dan seksyen 8 Akta Pengambilan Tanah 1960 oleh Agensi Pemohon;
- ii. Kawasan/jajaran pengambilan;
- iii. Pelan pengambilan;
- iv. Lot-lot yang terlibat dengan pengambilan tanah;
- v. Pelan bagi permintaan ukur (PU) dan baki lot pengambilan (hakmilik sambungan);
- vi. Nilai awal dan peruntukan pembayaran pampasan/bantahan pengambilan tanah;
- vii. 'Zonning' kawasan yang hendak diambil;
- viii. Ulasan-ulasan Jabatan teknikal;
- ix. Penggantian Tanah Rizab Melayu (TRM) yang terlibat dengan pengambilan (sekiranya ada);

- x. Isu-isu setempat sekiranya ada (setinggalan, pembinaan bangunan tanpa kebenaran, pencerobohan, langgar syarat tanah dsbnya).


5. MESYUARAT JAWATANKUASA PEMATUHAN PENGAMBILAN TANAH NEGERI SELANGOR

- 5.1 Jawatankuasa Pematuhan Pengambilan Tanah Negeri Selangor akan bermesyuarat seberapa segera apabila menerima permohonan secara rasmi daripada Agensi/Jabatan yang hendak melaksanakan projek yang melibatkan pengambilan tanah yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri;
- 5.2 Permohonan hendaklah dialamatkan kepada Pengarah Tanah Dan Galian Negeri Selangor dan salinan kepada PTD yang berkaitan bagi membolehkan Jawatankuasa Pematuhan Pengambilan Tanah Negeri Selangor mengadakan mesyuarat;
- 5.3 Setiausaha Jawatankuasa Pematuhan Pengambilan Tanah Negeri Selangor akan seberapa segera menetapkan tarikh mesyuarat dan memaklumkan kepada Ahli-ahli Jawatankuasa seperti perenggan 3 Arahannya ini serta mendapatkan ulasan daripada Jabatan Teknikal yang berkaitan sebelum atau semasa menghadiri mesyuarat tersebut;

- 5.4 Agensi pemohon bersama jurukur/konsultan yang dilantik diminta membentangkan pelaksanaan projek pengambilan tanah kepada Jawatankuasa Pematuhan Pengambilan Tanah Negeri Selangor bagi memuktamadkan perkara-perkara seperti perenggan 4 Arahan ini;
- 5.5 Setiausaha akan mengeluarkan minit mesyuarat dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas Jawatankuasa Pematuhan Pengambilan Tanah Negeri Selangor bermesyuarat kepada Ahli Jawatankuasa/Jabatan yang berkaitan bagi tindakan seterusnya;
- 5.6 PTD diminta menyegerakan proses pengambilan tanah sekiranya semakan dan penelitian Jawatankuasa Pematuhan Pengambilan Tanah Negeri Selangor terhadap permohonan pengambilan tersebut lengkap, mempunyai peruntukan mencukupi dan teratur setelah menerima permohonan secara rasmi daripada agensi pemohon.

6. BERKUAT KUASA


- 6.1 Arahan ini adalah **berkuat kuasa serta merta** dan semua PTD diarahkan untuk mematuhi arahan yang ditetapkan.


(AHMAD SUAIDI BIN ABDUL RAHIM)
Pengarah Tanah Dan Galian
Selangor Darul Ehsan
Tarikh : 15 Mac 2016



BAHAGIAN PENGUATKUASAAN, PENGAMBILAN
TANAH & TEKNIKAL

CARTA ALIR PROSES PENGAMBILAN TANAH SEMASA





BAHAGIAN PENGUATKUASAAN, PENGAMBILAN TANAH & TEKNIKAL

CARTA ALIR PROSES KERJA BARU PENGAMBILAN TANAH (BERMULA 1 FEBRUARI 2016)

